



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5518 6500

Faks : 03-5510 2133

Laman Web : jpnselangor.moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNS.SPD.600-11/2/2 JLD. 6(22)
Tarikh : 10 Februari 2020

Ganesan S. Sitrambaram

Presiden

Kelab Duta Rimba

Kuarter Pendidikan Guru,

Blok C-4-3, Jalan Atinahappan,

Taman Tun Dr Ismail,

60000 Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELEPASAN MURID DAN GURU/PEGAWAI PENDIDIKAN PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM "INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020" UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk **mengadakan program "International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami.
3. Kelulusan ini adalah terhad kepada urusan antara pihak tuan dengan **pihak pengurusan sekolah** dan tiada unsur paksaan. Tuan diminta menghubungi **Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar** untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut:

- 3.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;**
- 3.2 **Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;**
- 3.3 **Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.4 **Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai/guru dan murid yang terlibat dengan program ini;**
- 3.5 **Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;**

"Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang "



- 3.6 Penyertaan murid dan pegawai/guru hendaklah tidak mengganggu atau menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
 - 3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
 - 3.8 Pihak pengajur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 3.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 3.10 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;** dan
 - 3.11 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.
4. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM **mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu sahaja.**
5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **17 Julai 2020**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD RADZI BIN ABDULLAH, K.M.N)
Penolong Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,
Jabatan Pendidikan Selangor,
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

S.K-1) Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya